

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jerebu dijangka berulang kerana ribut tropika	Sinar Harian
2.	Bomba Malaysia bersedia bantu Indonesia	Sinar Harian
3.	Light at the end of tunnel?	New Straits Times
4.	Clear skies in 6 days	New Straits Times
5.	Shah Alam's air quality 'hazardous', visibility plunges at airports	New Straits Times
6.	Usah burukkan dengan pembakaran terbuka	Utusan Malaysia
7.	Jerebu di laut makin buruk	Sinar Harian
8.	Jerebu bertambah buruk kesan cuaca kering El Nino	KOSMO
9.	Darurat jika IPU 500	Berita Harian
10.	Makin teruk!	Harian Metro
11.	Record high of 2,000 in Kalimantan	Malay Mail
12.	Hockey tourney in the balance	Malay Mail
13.	Menjamin kualiti beras	Utusan Malaysia
14.	Ukuran tepat jamin kualiti	Utusan Malaysia
15.	Inisiatif penjenamaan semula SIRIM	Utusan Malaysia

Jerebu dijangka berulang kerana ribut tropika

SHAH ALAM - Jerebu dijangka kembali melanda negara pada 10 Oktober ini, jika kebakaran di Sumatera dan Kalimantan yang masih belum dipadamkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, ribut tropika yang diramal terbentuk di timur Filipina menyebabkan tiupan angin kembali dari arah barat daya.

"Pada awalnya, MetMalaysia (Jabatan Meteorologi Malaysia) menjangkakan jerebu teruk yang melanda negara sejak

pertengahan September, akan berakhir pada awal Oktober ini berikutan bermulanya fasa peralihan monsun.

"Namun, oleh kerana terbentuknya beberapa ribut tropika di perairan Filipina menyebabkan tiupan angin dari arah barat daya yang konsisten. Keadaan ini menyebabkan jerebu rentas sempadan kembali melanda negara," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, ribut tropika itu dikenali sebagai Mujigae yang terbentuk pada 1 Oktober lalu.

Bomba Malaysia bersedia bantu Indonesia

KUALA LUMPUR - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedia membantu Indonesia memadam kebakaran di hutan negara berkenaan yang menjadi punca utama keadaan jerebu rentas sempadan melanda negara ketika ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Noor Ibrahim berkata, pihaknya sedia menghulurkan bantuan jika Indonesia memerlukan sokongan negara luar termasuk Malaysia untuk membantu menangani masalah jerebu yang kian meruncing kebelakangan ini.

"Kebiasaannya, jika negara luar meminta bantuan negara kita terhadap sesuatu bencana, sudah semestinya mereka akan berhubung dengan kerajaan kita terlebih dahulu.

"Oleh sebab itu, kami bersedia membantu jika keadaan memerlukan, tetapi bergantung kepada kerajaan sendiri kerana mereka yang memutuskan sama ada menghantar pihak bomba menyertai misi memadam kebakaran hutan di Indonesia," katanya, semalam.

Jelasnya, bomba Malaysia

mempunyai aset lengkap dan kemahiran diperlukan sekiranya mereka terpilih menggalas misi memadam kebakaran di hutan dalam kawasan Sumatera dan Kalimantan itu.

"Kebakaran hutan ini berbeza dengan kebakaran biasa kerana sangat besar...ia menuntut pihak keselamatan gunakan segala aset," katanya.

Setakat jam 9 pagi semalam, kualiti udara di kawasan seluruh negara merosot dengan beberapa kawasan di Lembah Klang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat dan satu kawasan merekodkan IPU bahaya 308 iaitu Shah Alam.

Kelmarin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, jerebu teruk yang melanda negara sejak pertengahan bulan lalu bakal berkurangan dari 6 sehingga 9 Oktober ini.

Namun, beliau berkata, jerebu bakal melanda negara kembali bermula 10 Oktober ini berikutan ribut tropika di timur Filipina, jika kebakaran belum dipadamkan. - *Bernama*

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 1
TARIKH : 5 OKTOBER 2015 (ISNIN)

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

MADE FROM 100%
RECYCLED PAPER



Celebrating **170** years with the Nation. Inspired by Greatness

LIGHT AT THE END OF TUNNEL?

THE Meteorological Department says the onset of the northeast monsoon and the dissipation of two tropical storms will reduce the intensity of the haze after Oct 10.

IN OTHER DEVELOPMENTS

- PM urges Indonesia to take action against errant companies; DPM says republic's three-year plan may prove 'too long' to be effective
- 'Indonesia turns down Malaysia's offer to help put out fires'
- API reading reaches hazardous level in Shah Alam
- Schools, airports, businesses continue to be hit hard



by Saddam Yusoff

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 5 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Clear skies in 6 days

RELIEF IN SIGHT:
 Monsoon to blow
 smog away

KUALA LUMPUR

THE Meteorological Department (MET) forecasts that the haze will let up after Saturday, with the arrival of the intermonsoon period, followed by the northeast monsoon.

MET director-general Datuk Che Gayah Ismail said the intermonsoon period began at the end of last month and would last until early next month. After the intermonsoon period, she said, the northeast monsoon would continue until March next year.

"The intermonsoon period typi-

cally makes the wind flow pattern in Malaysia generally light and variable.

"With this period and the northeast wind coming after it, the haze condition will improve, as the coming monsoon is expected to bring thunderstorms and strong winds," she told the *New Straits Times* yesterday.

During this period, steady northeast winds would blow across Peninsular Malaysia as periods of strong cold surges occur in the north.

"Typically, the wind should be light and variable right now, if it weren't for the presence of two tropical storms coming from east Philip-

pines, Mujigae and Choi-wan.

"Mujigae formed on Oct 1 and is expected to dissipate after making landfall in Vietnam on Monday (today), while Choi-wan formed last

Friday and is forecast to head for Japan on Wednesday," Che Gayah said the severe haze conditions were made worse by the two tropical storms.

"It will take time for conditions to improve, but the smog should clear after Oct 10 when the northeast wind enters to relieve Malaysia of the haze.

"Before this was the southwest monsoon, from the end of May until last month. Hence, the arrival of the two tropical storms right after the monsoon made Malaysia drier."



Monsoon phases



1 Southwest monsoon from May to September brings dry winds to Malaysia.



2 Light and variable wind flow patterns appear during the intermonsoon period.



3 Tropical storms Mujigae and Choi-wan disrupt the intermonsoon period.



4 After Oct 30, tropical storm Mujigae moves to Vietnam while tropical storm Choi-wan goes to Japan.



5 Northeast monsoon begins, bringing cold winds that will clear the haze.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 05 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Shah Alam's air quality 'hazardous', visibility plunges at airports

KUALA LUMPUR: Shah Alam had the unwanted distinction of being the only area in the country to have hazardous air quality yesterday, as the haze drove the Air Pollutant Index (API) reading in Selangor's capital to 308 at 9am.

Five areas in Selangor, here and Putrajaya were the worst hit by the haze, with API readings of between 235 (Putrajaya) and 271 (Batu Muda, here). Kuala Selangor in Selangor and Cheras, here, recorded unhealthy API levels of 171 and 184.

The situation improved in these

areas, including Shah Alam, by 6pm as API readings fell to between 154 (Cheras, here) and 191 (Shah Alam, Selangor).

Yesterday's 9am API readings in 28 areas on the west coast of the peninsula, Terengganu and Pahang were almost as grim, with only five areas — Kota Tinggi and Pasir Gudang in Johor; Tanjung Malim in Perak; Langkawi in Kedah and Kangar in Perlis — recording moderate air quality, while the rest were unhealthy.

The worst-hit area outside of Se-

langor and the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya was Seremban in Negri Sembilan, with an API reading of 200, while the least affected was Larkin Lama in Johor (101). By 6pm, API readings fell in most regions in the country.

Seventeen areas in East Malaysia and Kelantan were spared the worst of the haze, with good to moderate air quality throughout the day.

An API reading of 0 to 50 indicates good air quality; 51 to 100 is moderate; 101 to 200 is unhealthy; 201 to 300 is very unhealthy, while read-

ings above 300 indicate hazardous pollution levels.

Bernama reported yesterday that low visibility of less than 3km was expected to persist till today in the Straits of Malacca and waters off Pulau Tioman, Bunguran, Kuching and Reef South.

The conditions were dangerous for vessels without navigational equipment, the Meteorological Department said.

Low visibility is expected to persist in waters off Pahang and Sarawak. Three airports in Selangor,

Perak and Kedah were closed yesterday because of low visibility.

A Malaysia Airports Holdings Bhd spokesman said the haze caused visibility to plunge below 500m, forcing authorities to halt operations.

"Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS) airport in Subang was closed at 6.35am, while Sultan Azlan Shah airport (LTASAS) in Ipoh at 7.30am and Sultan Abdul Halim airport (SAH) in Alor Star at 7.20am.

"However, SAAS resumed operations at 9.15am, LTASAS at 10.30am and SAH at 10.42am."

Usah burukkan dengan pembakaran terbuka

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengingatkan orang ramai supaya tidak melakukan aktiviti yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara seperti pembakaran terbuka.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Halimah Hassan** berkata, meskipun tidak dilakukan pada skala besar (pembakaran terbuka), aktiviti itu boleh memburukkan keadaan jerebu dan menyebabkan keadaan menjadi lebih serius.

"Sesiapa yang didapati berdegil dan tidak patuh kepada arahan JAS boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana ini melibatkan keselamatan dan kesihatan orang ramai.

"Bagi kilang-kilang pula, masih boleh beroperasi seperti biasa, tetapi, haruslah patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Kita perlukan kerjasama semua pihak untuk sama-sama mengurangkan kesan jerebu yang melanda negara, sekarang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Berdasarkan siasatan oleh JAS, pada tahun ini sehingga 3 Oktober, sebanyak 3,439 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara melibatkan kawasan hutan, kawasan pertanian, kawasan industri, kawasan pembinaan, tapak pelupusan sampah, kawasan

belukar dan pembakaran terbuka kecil lain.

Sebanyak 216 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 15 kes dikeluarkan notis arahan dan 41 kes telah dikeluarkan surat arahan.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah **Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail** berkata, pihaknya sentiasa bersedia untuk melakukan operasi pembenihan awan pada bila-bila masa.

"Sepatutnya, kita melakukannya semalam tetapi terpaksa dibatalkan kerana jarak penglihatan yang tidak memuaskan dan berbahaya untuk pesawat berlepas.

"Selepas Taufan Dujuan melanda Filipina, ribut tropika kuat iaitu Taufan Mujigae yang melanda Hainan dan Vietnam menyebabkan keadaan tiupan angin membawa jerebu ke Malaysia. Taufan baharu di timur Filipina pula akan menyebabkan kurang hujan di Malaysia sekali gus melambatkan kesan jerebu itu hilang," katanya.

Tambah beliau, kebakaran di selatan Sumatera dan Kalimantan di Indonesia yang masih berlaku juga menjadi punca masalah jerebu masih tidak reda.

"Kita berharap jerebu ini akan berakhir selewat-lewatnya 10 Oktober ini selepas arah angin berubah dan kebakaran di Indonesia selesai," katanya.

Jerebu di laut makin buruk



Nelayan di negeri ini tetap turun menangkap ikan walaupun dalam keadaan jerebu semakin buruk menyelubungi ruang udara, semalam. - BERNAMA

KUANTAN – Persatuan Nelayan Kuantan (PNK) meminta agar nelayan berwaspada ketika berada di lautan berikutan keadaan jerebu di perairan semakin buruk.

Lembaga Pengarah PNK, Mat Sani Tahir berkata, setakat ini jerebu amat tebal di kawasan perairan dan tidak nampak kapal pada jarak dua batu nautika.

"Ini amat berbahaya kerana sekiranya tidak berwaspada boleh mengundang kepada pelanggaran," katanya.

Mat Sani bagaimanapun mengingatkan nelayan agar mengutamakan soal keselamatan ketika berada di lautan.

Sementara itu, salah seorang ne-

layan Zulkifli Arifin, 45, mengakui bahawa jerebu teruk di kawasan perairan negeri ini dan jarak penglihatan amat kabur.

"Bila berada di lautan memang tidak nampak kapal lain, jadi kami terpaksa menggunakan pelbagai alat seperti menggunakan walkie-talkie sebagai alat penghubung selain sistem penentu kedudukan global (GPS).

"Ini cara yang kami lakukan bagi mengelak sebarang musibah sepanjang kerja penangkapan ikan di samping memasang lampu bot," katanya.

Semalam, portal Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran ketampakan rendah kurang daripada

lima kilometer di sekitar perairan Tioman dijangka akan berterusan sehingga 5 Oktober ini.

Bagaimanapun, keadaan ini amat berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai sistem navigasi pelayaran.

Sementara itu, dua kawasan di negeri ini kembali mencatatkan indeks pencemaran udara (IPU) tidak sihat setakat jam 5 petang semalam.

Menurut portal Jabatan Alam Sekitar, dua kawasan tersebut masing-masing merekodkan IPU 102 (Balok Baru) dan 144 bagi Jerantut.

Di Indera Mahkota masih lagi mencatatkan bacaan IPU pada tahap sederhana iaitu 100.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 5 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Jerebu bertambah buruk kesan cuaca kering El Nino

KUALA LUMPUR - Orang ramai hendaklah sentiasa memantau tahap kesihatan mereka berikutan jerebu rentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang melanda negara pada masa ini, yang dijangka bertambah buruk akibat cuaca kering ekoran fenomena El Nino.

Pengarah Kanan Institut Penyelidikan Kestarian Persekitaran, Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd. Yusoff berkata, walaupun fenomena El Nino berada di peringkat sederhana, ia diramal berlanjutan sehingga Mac depan dan boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia.

"Fenomena El Nino menyebabkan cuaca kering tidak dapat memulihkan situasi jerebu yang wujud ekoran terhadnya penurunan hujan. Ini menyumbang kepada pelbagai masalah kesihatan berkaitan



CHE GAYAH



BANDAR raya Ipoh yang diselubungi jerebu menyebabkan jarak penglihatan semakin terhad.

udara yang tercemar dan mudah masuk ke dalam saluran pernafasan kita," kata beliau di sini semalam.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik, menyebabkan rantaian peruba-

han iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di setengah kawasan sementara di kawasan lain, berlaku kemarau berpanjangan.

Abdull Rahim berkata, situasi jerebu diramal berterusan sehingga Disember ini berikutan pengaruh fenomena El Nino iaitu cuaca kering dan tiada hujan di kawasan

punca kebakaran di Sumatera dan Kalimantan menyukarkan proses pemulihan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata, keadaan jerebu sebelum ini diramal semakin pulih ekoran taufan Dujuan yang telah lenyap di China Selasa lalu namun perubahan angin di Sumatera dan Kalimantan yang sepatutnya ke Indonesia telah berpatah balik menyebabkan Malaysia terus dilanda jerebu.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya menjangkakan keadaan itu mungkin baik apabila tiba musim monsun timur laut pada minggu pertama atau kedua November dan akan berakhir pada minggu kedua Mac 2016.

Pada tempoh itu sebanyak empat atau lima episod hujan lebat monsun akan berlaku dengan hujan lebat menyeluruh melebihi tiga hari.

"Hujan berepisod ini boleh mengakibatkan banjir dengan hujan lebat pertama dijangka berlaku pada minggu ketiga atau keempat November, namun keadaan itu tidak akan memungkinkan banjir peringkat ekstrem seperti tahun lalu," katanya.

Darurat jika IPU 500

» Keadaan dijangka
berkurang mulai
esok, hilang
selepas 10 Oktober

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Shah Alam, Selangor merekodkan bacaan tertinggi iaitu 308 antara jam 8 dan 10 pagi semalam, paras tertinggi akibat bencana jerebu tahun ini.

Kawasan lain yang merekod tahap sangat tidak sihat sehingga Kementerian Pendidikan mengumumkan penutupan semua sekolah di Semenanjung kecuali Kelantan hari ini dan esok ialah Batu Muda, Kuala Lumpur (289), Petaling Jaya (257), Banting (252), Pelabuhan Klang (246), Putrajaya (238) dan Seremban (202).

Bagaimanapun, IPU di Shah Alam turun daripada 308 kepada 169 iaitu kategori tidak sihat pada jam 9 malam tadi.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab, berkata Darurat Bencana Jerebu hanya akan diisytiharkan sekiranya IPU mencecah ke paras 500.

"Sekiranya pengisytiharan itu dilakukan, semua premis awam

serta swasta, termasuklah kilang, ladang, kawasan pembinaan dan kuari perlu ditutup.

"Bagaimanapun, arahan penutupan itu tidak termasuk perkhidmatan air, elektrik, kesihatan, keselamatan, komunikasi, pelabuhan, pengangkutan, kewangan serta pembekal bahan bakar," katanya kepada BH.

Malaysia pernah mengumumkan Darurat Bencana Jerebu tiga kali, yang pertama pada 19 September 1997 di Sarawak apabila bacaan IPU melebihi 600, sebelum Kuala Selangor dan Pelabuhan Klang pada 11 Ogos 2005 (IPU melebihi 500) dan terakhir di Muar dan Ledang, Johor pada 23 Jun 2013 (IPU melebihi 500).

Berdasarkan portal Jabatan Alam Sekitar (JAS), 28 kawasan di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan IPU tidak sihat, melebihi 100.

31 titik panas direkod

Semakan di Pusat Meteorologikal Khas ASEAN antara lain mendapati 31 titik panas direkodkan di Sumatera, selain angin berkelajuan menjangkau 60 kilometer sejam.

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata operasi pembenihan awan (OPA) tidak dapat dilaksanakan semalam berikutan jarak penglihatan berkurangan.

"Jarak penglihatan minimum diperlukan bagi pesawat berlepas dari landasan adalah 1,600 meter,

namun jarak penglihatan di Subang berada pada 300 meter hingga 500 meter pada jam 6 hingga 9 pagi, sekali gus menghalang OPA dilaksanakan atas faktor keselamatan," katanya.

Che Gayah berkata berkata ribut tropika Mujigae yang berada di perairan Filipina sejak Khamis lalu menyebabkan negara menerima tiupan angin dari arah Barat Daya yang membawa jerebu, selain taburan hujan berkurangan.

"Mujigae dijangka berakhir selepas membadai Vietnam hari ini, namun ribut tropika Shoi Wan pula terbentuk di timur Filipina 2 Oktober lalu dan diramalkan bergerak ke Jepun, yang menjadikan cuaca kering di negara kita.

"Jerebu dijangka beransur berkurangan mulai esok dan hilang selepas 10 Oktober bergantung kepada ketiadaan pembentukan ribut tropika baharu di rantau kita," katanya.

Jurucakap Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) pula memaklumkan penerbangan di empat lapangan terbang ditutup kira-kira tiga jam, berikutan jarak penglihatan kurang daripada 500 meter.

Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang ditutup mulai jam 6.35 pagi; Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh (7.30 pagi hingga 10.30 pagi) Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar (7.20 pagi hingga 10.42 pagi) manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dari jam 7 hingga 10 pagi.



Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my
Alor Setar

"Saya terpaksa menunggu hampir sembilan jam hanya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar yang kebiasaannya mengambil masa sejam akibat masalah jerebu menyebabkan jadual penerbangan ditunda," kata seorang penumpang AirAsia yang enggan dikenali sebaik selamat tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (L TSAH), di sini, petang semalam.

Menurutnya, dia sepatutnya menaiki pesawat itu pada jam 7.10 pagi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dan tiba di L TSAH jam 8.10 pagi namun tergendala akibat jerebu selepas L TSAH terpaksa ditutup buat sementara waktu.

"Saya dan penumpang lain pada mulanya sudah menaiki pesawat itu namun terpaksa turun semula dan menunggu sehingga L TSAH kembali beroperasi.

"Bagaimanapun saya bersyukur apabila akhirnya pesawat AirAsia ini berlepas jam 2.30 petang selepas kami semua kepenatan menunggu dan selamat tiba tanpa sebarang masalah," katanya ketika ditemui di L TSAH, di sini, semalam.

Bandaraya Alor Setar yang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat menyebabkan L TSAH tidak dapat beroperasi pada jam 7.20 pagi dan beberapa penerbangan komersial terpaksa dibatalkan.

Bagaimanapun ia kembali

Makin teruk!



PESAWAT Malaysia Airline
mendarat selamat dalam
keadaan jerebu teruk.

■ Penerbangan dari KLIA ke Alor Setar tertunda tujuh jam

beroperasi jam 11 pagi selepas IPU menunjukkan penurunan.

Pengurus L TSAH Puteh Ramli berkata, pada sebelah pagi dianggarkan tiga hingga empat penerbangan terpaksa ditangguhkan akibat jerebu tebal sebelum dibuka semula jam 11 pagi.

Menurutnya, pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan Jabatan Meteorologi Malaysia bagi memantau keadaan jerebu.

"Keadaan keselamatan penumpang menjadi keutamaan kami dan sekiranya jerebu kembali teruk penerbangan terpaksa ditangguhkan sehingga keadaan kembali pulih.

"Bagi penumpang penerbangan komersial, mereka boleh menghubungi syarikat penerbangan masing-masing untuk mengetahui status penerbangan," katanya.

Sementara itu, Ketua Operasi Jeti Kuala Kedah Abdul Mahaf Zainol berka-

"Sekiranya jerebu kembali teruk penerbangan terpaksa ditangguhkan sehingga keadaan kembali pulih"

Puteh Ramli

ta, operasi feri dari Jeti Kuala Kedah ke Langkawi berjalan seperti biasa di mana perjalanan pertama pada pukul 7.15 pagi berjalan lancar.

"Sehingga jam 10 pagi tadi (semalam) sebanyak empat daripada 10 perjalanan dilakukan dan feri terakhir adalah pada 7 malam. Semua feri dilengkapi dengan sistem navigasi, jadi ia memudahkan perjalanan feri untuk sampai ke destinasi.

"Perjalanan hanya akan ditangguhkan sekiranya mendapat arahan daripada pihak Jabatan Laut Malaysia," katanya.

Record high of 2,000 in Kalimantan

PETALING JAYA — The Air Pollutant Index (API) reading in Palangkaraya, the capital of the Indonesian province of central Kalimantan, has exceeded 2,000 — three times more than the point at which Malaysia declares an emergency.

The Indonesian Meteorology, Climatology and Geophysics Agency said the API reading increased significantly to 2,000 at 10am and it continued to rise yesterday, a Bernama report said.

Palangkaraya has been under a haze emergency several times in the last two weeks and the situation has crippled the residents' daily activities and all schools have been closed since a week ago.

The haze in the province is caused by the peatland fires in Kalimantan, and despite efforts to put out forest fires, the

situation is uncertain.

In Jambi, the API reading was still at a hazardous level although it decreased from 800 yesterday morning to 400 in the afternoon.

According to the Asean Specialised Meteorological website, the number of hotspots in Kalimantan rose steeply last week to peak at 321 on Friday. The number fell to 82 on Saturday, when there were also 29 hotspots in Sumatra and two in Sarawak and Sabah.

The last haze emergency declared in Malaysia was in Muar and Ledang in June 2013 when the API hit 746.

The Malaysian Fire and Rescue Department is prepared to assist Indonesia in putting out its forest fires.

Its director-general, Datuk Wan Mohd

Noor Ibrahim, said the department was willing to offer aid if Indonesia needed external support to help tackle the haze problem, which was becoming critical.

"Usually, when a foreign country requests for help from our country to resolve a disaster, they will contact our government beforehand," he told Bernama.

"As such, we are prepared to help if the situation warrants, but it depends on the government itself because it will decide whether to send the fire personnel to join the mission to put out the forest fire in Indonesia."

Wan Mohd Noor said his department had the assets and skills needed if they were called on to put out the fires in Sumatra and Kalimantan.

"Forest fires are different from the normal fires because the forest is very big ... it demands the security agencies to deploy all assets available to put out the fire because the operation is most challenging," he said.

"In addition, the operation needs the services of many personnel because it covers a very large area."

On Saturday, Science, Technology and Innovations Minister Datuk Madius Tangau said the severe haze affecting Malaysia since the middle of last month would ease briefly from tomorrow to Friday.

However, the haze would return on Saturday following a tropical storm forecasted in eastern Philippines if the fires in Sumatra and Kalimantan were not extinguished.

Hockey tourney in the balance

PETALING JAYA — The Johor Hockey Association will monitor the haze situation before deciding on the status of the 5th edition of the Sultan Johor Cup.

The international tournament is scheduled to be played at the Taman Daya Hockey Stadium in Johor Baru from Sunday to Oct 18.

Organising secretary Manjit Majid Abdullah said they would be liaising with various agencies before making a decision.

"The health of the players and officials is our utmost priority," said Manjit, who is also a Malaysian Hockey Confederation (MHC) vice-president.

"We are monitoring the situation with the health authorities and the Meteorological Department. The teams will start arriving from Tuesday and we are keeping our fingers crossed that winds and rain will help clear the air."

Manjit said it was possible that matches would be played later as it was normally clearer in the evenings.

Six countries are taking part in the Sultan Johor Cup — defending champions India, newcomers Argentina, last year's losing finalist Great Britain, Australia, Pakistan and Malaysia.

This is the second time that the Johor Hockey Association is facing a problem with haze. The first was when it played host to the World Hockey League semi-final in 2013. The haze cleared on time and Malaysia went on to book a place in the 2014 World Cup.

The women's hockey league final scheduled for Saturday was also postponed.

Four Malaysia Cup matches were called off on Saturday when the air quality reached unhealthy levels.

The tie between Perak and Johor Darul Takzim at Ipoh Stadium yesterday was also called off. The FA of Malaysia's local competitions committee decided to postpone the match after the API reading in Ipoh reached 160.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 5 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Sains
@com

KOPI
DURIAN
EMAS
BAKAR
LEMAK
»8



SIRIM bantu
kurangkan
kerugian petani
dan pengilang
dengan hasilkan
alat ukur
kelembapan padi
dan beras

**MENJAMIN
KUALITI BERAS**



Ukuran tepat jamin kualiti

SIRIM perkenal bahan rujukan pengukuran kelembapan padi dan beras

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mior@utusan.com

SEBELUM ini mungkin anda tertanya-tanya adakah kuantiti berat yang dibeli di pasaran adalah benar-benar berat beras.

Sebenarnya satu kerugian bagi pesawah dan pengilang kerana kandungan beras yang diukur bukanlah kandungan beras semata-mata malah meliputi berat kelembapan yang tidak membawa pulangan kepada perniagaan mereka.

Malah lebih merugikan apabila pengilang terpaksa membayar untuk harga kelembapan tersebut yang sebenarnya tiada nilai.

Kerana itu, sempena Hari Metrologi Sedunia 2015 ini, Makmal Metrologi Kebangsaan, SIRIM (NML-SIRIM) bersedia membantu petani mengurangkan kerugian semasa proses penetapan kadar potongan harga berikutan hasil padi dan beras yang lembap melalui kemudahan bahan rujukan Pengukuran Kelembapan Padi dan Beras.

Bahan rujukan kelembapan padi dan beras yang dibangunkan oleh NML-SIRIM boleh ditawarkan bagi kerja-kerja menentukan dan menentusahkan meter alat pengukur kelembapan padi dan beras oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Pengangkutan dan



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (lima dari kanan) pada sambutan Hari Metrologi Sedunia 2015 di Makmal Metrologi SIRIM baru-baru ini.

Koperasi.

Perkhidmatan tersebut juga diperluaskan kepada agensi terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kualiti padi dan beras negara seperti Beras Nasional (Bernas), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), pengilang-pengilang

beras, pemborong-pemborong beras dan persatuan-persatuan petani.

Pengukuran kelembapan bagi padi dan beras adalah sangat kritikal kerana kandungan kelembapan akan memberi kesan kepada hasil penuaian, simpanan, hasil pengilangan dan kualiti beras yang dipasarkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pengukuran kelembapan padi dan beras adalah sangat penting kerana kandungan kelembapan akan memberi kesan kepada hasil penuaian, simpanan, hasil pengilangan dan kualiti beras yang dipasarkan.

"Sudah berpuluh tahun kita menghadapi masalah menentukan kelembapan padi. Kelembapan ini tidak disukat dengan teliti sehingga menimbulkan rungutan dalam kalangan petani. Mereka juga tidak mempunyai alat untuk menentu ukur kelembapan padi dan beras.

"Dengan adanya bukti (sukatan kelembapan) yang kukuh ini, akan mengembalikan keyakinan dan mengurangkan konflik antara petani dan pemborong," katanya dalam sidang akhbar selepas sambutan Hari Metrologi Sedunia 2015 di Makmal Metrologi SIRIM, baru-baru ini.

Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI, Datuk Dr.



BAGI menjamin urusan niaga yang lebih adil dan menjamin kualiti beras, kaedah pengukuran kelembapan padi yang tepat telah diperkenalkan.

Mohd. Azhar Yahaya serta Pengarah Biro Antarabangsa Bagi Timbang dan Sukat (BIPM), Dr. Martin Milton.

Tambah Dr. Abu Bakar, melalui bahan rujukan tersebut, urusan niaga akan menjadi lebih adil dan menjamin kualiti beras yang diterima oleh pengguna serta dapat menangani pertikaian harga antara petani dan pemborong penggunaan meter dan alat timbang kelembapan beras yang telah di lulus, ditentusah dan dimeterai boleh mengembalikan keyakinan dan mengurangkan konflik.

Kandungan kelembapan beras perlu berada pada tahap yang optimum iaitu 14 peratus bagi menjaga kualiti dan memanjangkan tempoh penyimpanan beras.

Kandungan kelembapan yang rendah akan menyebabkan beras menjadi rapuh dan pecah ketika proses pengilangan manakala kandungan kelembapan yang tinggi pula akan menyebabkan pembiakan kulapuk dan mikro organisma yang boleh membuatkan beras cepat rosak.

Untuk pengetahuan, padi yang baharu dituai mengandungi kelembapan yang tinggi iaitu dalam lingkungan 19 peratus ke 26 peratus dan lebih tinggi pada musim hujan.

Pengilang pula akan mengenakan kadar pemotongan berat padi mengikut kandungan kelembapan padi tersebut bagi memperoleh berat bersih.

Oleh itu, sekiranya pengukuran kelembapan tidak dibuat dengan tepat, akan berlaku kerugian kepada pesawah dan pengilang berikutan penerimaan bayaran yang kurang dari nilai sebenar.

Senario yang sama juga di aplikasikan di dalam urusan mengimport berat daripada negara jiran.

Sekiranya kandungan kelembapan tidak diukur dengan tepat akan memberikan keraguan yang besar kepada negara kerana perlu membayar lebih terhadap berat air dan bukannya beras.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata,



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) melihat demonstrasi pada sambutan Hari Metrologi Sedunia 2015 di Makmal Metrologi SIRIM.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 5 OKTOBER 2015 (ISNIN)

sains



Pengukuran kelembapan bagi padi dan beras adalah sangat kritikal kerana kandungan kelembapan akan memberi kesan kepada hasil penuaian, simpanan, hasil pengilangan dan kualiti beras yang dipasarkan."

NML-SIRIM akan terus menyebarkan dan menggalakkan parameter pengukuran dan teknologi di negara ini termasuk menyediakan perkhidmatan penentuan bagi standard pengukuran dan perkhidmatan perundingan bagi projek pengukuran khusus selain menyediakan latihan mengenai teknik pengukuran.

"Di bawah perancangan baharu, NML-SIRIM ditugaskan dengan pelbagai projek di bawah pembiayaan penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama bagi teknik standard pengukuran kepersisan tinggi," katanya.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan adalah kelulusan reka bentuk bagi peralatan mengukur barangan perdagangan, menyediakan perkhidmatan pengesahan tentukan metrologi perundangan serta penentusahan peralatan perdagangan dan pemindahan pemilikan.

Bercakap mengenai sambutan Hari Metrologi Sedunia kali ini, pihaknya menyasarkan kepada keseragaman pengukuran sedunia, konvensyen meter juga membentuk satu rangka kerjasama antarabangsa dalam bidang sains pengukuran kepada industri berkaitan.

Inisiatif penjenamaan semula SIRIM

SIRIM Berhad berperanan besar dalam bidang teknologi dan perindustrian di negara ini. Agensi tersebut baru-baru ini telah diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan penembusan teknologi dan menaik taraf Industri Kecil Sederhana (IKS) tempatan dengan matlamat untuk meningkatkan produktiviti industri.

Dikenali sebagai program inisiatif Penjenamaan Semula SIRIM, agensi tersebut ditugaskan bagi membantu negara meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang kini hanya berlegar sekitar 2.34 peratus sahaja berbanding negara-negara lain yang lebih tinggi.

Menurut ketua pegawai teknologi, penyelidikan dan inovasi teknologi agensi tersebut, Dr. Mohamad Jamil Sulaiman, SIRIM ialah sebuah institusi penyelidikan lengkap yang dapat membantu usahawan dan pihak industri secara total, sekali gus membantu meningkatkan taraf ekonomi negara ini.

"Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadi negara membangun menjelang 2020 dan rakyat berpendapatan tinggi, yang mana peranan inovasi dan teknologi adalah elemen penting untuk merealisasikan ini."

"Untuk tujuan tersebut SIRIM telah bekerjasama dengan Institut Fraunhofer di Jerman bagi mengadaptasi model dari negara maju di bidang industri tersebut untuk digunakan di Malaysia," katanya.

Institut Fraunhofer merupakan sebuah pertubuhan penyelidikan gunaan terbesar di Eropah.

Dalam pembentangan Bajet 2015, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan inisiatif untuk menjenamakan semula SIRIM untuk memberi fokus kepada penguasaan teknologi, penambahbaikan dan pengauditan IKS agar dapat berkembang ke arah yang lebih baik.

Inisiatif tersebut telah digariskan di bawah Model Inovasi Perindustrian SIRIM yang dilihat dapat mengukuhkan hubungan antara SIRIM dan IKS dalam usaha untuk mewujudkan ekosistem inovasi IKS yang berjaya.

Untuk tujuan tersebut SIRIM

menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama institut tersebut pada Disember tahun lalu yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri.

"Menerusi kolaborasi tersebut, SIRIM akan bekerjasama dengan institut tersebut untuk meningkatkan keupayaan IKS menerusi penglibatan mereka dalam program kajian dan perkhidmatan teknikal bersama."

"Selain itu kita juga akan bertukar maklumat, kemahiran, kajian terhadap strategi inovasi, pemasangan dan implementasi projek-projek R&D bagi membantu pihak industri terutamanya pembangunan usahawan, kerjasama organisasi dalam mengadakan persidangan, bengkel dan juga seminar," katanya.

Dengan kerjasama institut tersebut, SIRIM membangunkan model baharu iaitu Model Inovasi Industri yang memfokus kepada kajian dan penyelidikan gunaan terhadap sektor-sektor yang kritikal dan juga perkhidmatan inovasi.

Menerusi model tersebut, pelbagai pihak dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan seperti penglibatan pihak industri dan jaringan pelbagai institusi, institusi serta universiti.

Penggunaan inisiatif serampang dua mata membolehkan semua kategori perusahaan bermula dari kecil sehingga ke sederhana dapat dibantu dengan lebih berkesan.

Inisiatif tersebut adalah meningkatkan adaptasi teknologi terkini oleh IKS kecil dan mikro serta mengukuh dan menaik taraf aplikasi teknologi sedia ada kepada yang lebih baik oleh IKS sedia ada.

Terdapat lapan teras utama menerusi program yang diperkenalkan oleh SIRIM iaitu Pengurusan Implementasi Inovasi yang mengutamakan proses pengauditan teknologi (analisis nilai rantai).

● Mengaudit teknologi tersebut bertujuan mengenal pasti keperluan teknologi yang sebenar oleh IKS serta memastikan kesesuaian teknologi yang digunakan.

● Kedua, meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan pemain-pemain utama IKS bagi memastikan kelancaran serta keberkesanan dalam proses pengeluaran produk sekali

gus dapat meningkatkan produktiviti sesebuah IKS. Fokus dalam program tersebut adalah pada automasi, mekanisasi, penambahbaikan teknologi, penempunan terhadap penghasilan alat ganti dan komponen menggunakan teknologi tempatan (kurang kos), menyelesaikan masalah industri.

● Ketiga adalah meningkatkan pengkomersialan teknologi dan penambahbaikan terhadap produk kejuruteraan dan prototaip, proses kejuruteraan dan kawalan, keselamatan, kajian kemungkinan dan percubaan di lapangan.

● Keempat adalah kajian strategik terhadap aplikasi di masa hadapan yang memfokus ke arah projek kajian yang berpotensi untuk dikembangkan dalam jangka masa lima hingga 10 tahun ke hadapan.

● Menggalakkan pertumbuhan IKS kecil dan mikro, latihan kepada vendor, pembangunan usahawan, pembungkusan dan penglabelan produk, penasihat teknikal untuk pembangunan produk serta proses pembuatan.

● Memastikan penembusan pasaran-pasaran baharu terutamanya di peringkat global, program meningkatkan kepelbagaikan pensijilan, pemeriksaan, ujian serta perkhidmatan penentu ukur peralatan turut dilaksanakan.

● Pengembangan standard dan spesifikasi, maklumat teknologi dan pasaran, hak harta intelek, pendidikan dan latihan, pengantarabangsaan perkhidmatan juga perlu dipertingkatkan.

● Program sokongan bagi memastikan semua inisiatif tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar serta mendapat sokongan daripada semua pihak yang terlibat.

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti kempen untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pihak IKS menerusi kajian industri dan inovasi. Hal demikian juga adalah bagi memastikan kelangsungan dan pengembangan perniagaan pemain-pemain utama IKS di negara ini.

Untuk tujuan tersebut pelbagai program dan jalinan kerjasama dengan institusi kajian dan universiti tempatan akan dipertingkatkan serta melibatkan pihak tersebut di dalam Jaringan Kajian dan Inovasi Industri Malaysia.

Usaha tersebut mampu meningkatkan jumlah pusat-pusat teknologi industri sekali gus membolehkan segala perkhidmatan berkaitan dapat ditawarkan dengan lebih baik kepada IKS.

Menerusi inisiatif dan program penjenamaan semula itu adalah diharapkan agar produktiviti di pihak industri dapat dipertingkatkan sert mencipta sebuah ekosistem inovasi yang berjaya.

Dalam pada itu, program-program yang dilaksanakan melibatkan kerjasama antara pihak SIRIM dan industri sekaligus membolehkan hubungan diantara keduanya dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan.



DR. MOHAMAD
JAMIL
SULAIMAN